

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

RMK 13 : Harapan dan agenda tambah baik sosioekonomi rakyat

12

Rencana

Isnin, 21 Julai 2025

RMK13: Harapan dan agenda tambah baik sosioekonomi rakyat

- RMK13 diharap mempercepatkan peralihan daripada model ekonomi bergaji rendah kepada ekonomi berdasarkan inovasi dan teknologi tinggi

- Penekanan perlu diberikan terhadap kesihatan awam, pendidikan, digitalisasi dan kesejahteraan rakyat menyeluruh



Oleh Dr G Marini Marni
bhrenanca@bh.com.my

Penganalisis
pilihan raya dan
perundangan media

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) sudah pasti bakal dilaksanakan bagi tempoh lima tahun mulai 2020. Pada hari ini kita masih mula bercakap mengenai apa yang RMK13 yang sedang digubah, terutama membabitkan pembentuk dasar dan industri.

Rancangan Malaysia yang digubal dan diluncurkan Parlimen setiap lima tahun menjadi perhatian, seperti juga belanjawan tahunan. Kedua-duanya adalah hubung kait satu sama lain, tetapi belanjawan tahunan menjadi lebih fokus, kemungkinan ia bersifat jangka pendek iaitu diumum untuk dilaksanakan dalam satu tahun.

Selain itu, Rancangan Malaysia lazimnya bersifat makro, kadangkala sukar difahami rakyat, tetapi perancangan lima tahun kekal penting kerana ia akan menjadi dasar pembangunan negara dalam jangka panjang.

La bukan seorang dokumen dasar, tetapi pelindakan lima tahun menepati halus teknikal, sosial, alam sekitar dan tadbir urus negara, membolehkan kerajaan menetapkan keutamaan dan sasaran realistik berdasarkan cabaran semasa serta potensi masa depan.

Setiap rancangan Malaysia mempunyai keunikan tersendiri bagi memenuhi keperluan dan menanngani cabaran mengikut persekitaran sosioekonomi dan kepemimpinan politik.

Kandungan dirangka sedemikian rupa untuk memenuhi harapan pemegang taruh. Kita ada 12 rancangan Malaysia setakat ini, termasuk dua Rancangan Malaysia (1966-1965) dan Buku Kuning (1951-1955) sebelumnya itu, digunakan sebagai Persekutuan Malaysia dibentuk.

• RMK1 (1966-1970) dirangka untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi di negeri Borneo selain membaik pertumbuhan pembangunan bagi Semenanjung Tanah Melayu dan negeri Borneo secara bersamaan.

Matlamatnya ialah:

- i. meningkatkan taraf hidup rakyat, khususnya di kawasan huar bandar;
- ii. mengurangkan kadar kemiskinan;
- iii. merapatkan jarak ekonomi antara kawasan bandar dan huar bandar;
- iv. memajukan sektor pertanian sebagai asas pembangunan ekonomi;
- v. memperluas peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran;
- vi. memperingkatkan pembangunan huar bandar melalui infrastruktur dan kemudahan asas;
- vii. memajukan sektor perindustrian untuk mempelbagaikan ekonomi negara;
- viii. menggalakkan perpaduan nasional melalui pembangunan lebih seimbang antara wilayah dan kaum.

RMK1 juga menyaksikan penubuhan agensi penting seperti FELDA, Majlis Amanah Rakyat (MAR) dan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk menyokong pembangunan sosioekonomi luar bandar dan memperkuat penyertaan bumiputera dalam ekonomi.

• RMK2 (1971-1975) adalah rancangan pembangunan terbesar dan kezamanan pernah diajukan. Ia memastikan usaha lebih besar berbanding sebelum itu, bersandarkan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang memberi tumpuan pada matlamat laju dan baharu kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat.

• RMK3 (1976-1980), iaitu fasa kedua dalam pelaksanaan DEB. Ia dilihat sebagai satu usaha berani, kreatif dan berpandangan jauh untuk menangani cabaran sosioekonomi dan politik ketika itu. Inisiatif paling besar pernah dilaksanakan demi kepentingan seluruh rakyat.

• RMK4 (1981-1985) berteraskan prinsip

bahawa ekonomi negara diangka berkembang dan lebih pelbagai. Peluang untuk pengembangan ekonomi diambil dari cerah. Tumpuan utama diberikan kepada kesar pemerkembangan huar terhadap ekonomi Malaysia, terutama kader kenakan harta domestik.

• RMK5 (1986-1990) dirangka berdasarkan

kemujenian sosial dan ekonomi yang dicapai, kelebihan disalami, serta cabaran bakal dihadapi. Ia

ialah rancangan untuk menyatakan pengurusan ekonomi secara cergas dengan penekanan pada usaha memperkuatkupas pencapaian sedia serta memperkisas lagi ekonomi.

• RMK6 (1991-1995) adalah fasa pertama

pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), merangkumi Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menetapkan objektif, strategi dan sasaran menyeluruh bagi memelihara pembangunan negara sepanjang 1990-an.

• RMK7 (1996-2000) menganggap dan menelek

kan semula konsep pembangunan seimbang dipenerapkan pada 1991 sebagai ciri utama DPN. Ia

termasuk dalamnya perhatian serius terhadap strategi bagi menjana pertumbuhan ekonomi mampar serta memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi

diluluskan secara saksama dalam kalangan rakyat

dan antara negeri.

• RMK8 (2001-2005) menggariskan langkah,

diambil ke arah menjadikan negara bersatu dan maju

sepuhnya mengikut acuan sendiri menjelang 2020. Strategi dan program dibentangkan ber-

tujuan memperkuatkupas asas negara untuk lebih

berdaya tahan dan berdaya saing.

• RMK9 (2006-2010) merangkumi strategi,

program dan peruntukan diperlukan bagi tujuan

merealisasikan misi nasional dan menjadikan

Malaysia negara lebih maju, saksama dan bersatu pada. Ia turut menghuraikan misi nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan terdiri daripada lima temsa utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

• RMK10 (2011-2015) berasaskan aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baharu (MBE) berteraskan pendekatan tinggi, keterangkumatan pentas bagi transformasi struktur utama merujuk ekonomi berpendapatan tinggi serta hala tuju dasar, strategi dan program baharu membolehkan negara tamip sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

• RMK11 (2016-2020), rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Bertumpu kepada enam strategi, iaitu Inklusiviti, Kesejahteraan Rakyat, Modal Insan, Pertumbuhan Hijau, Infrastruktur serta Inovasi dan Produktiviti.

• RMK12 (2021-2025), fasa terakhir dalam pelumpuh negara di bawah pendekatan SR atau reform, merangkumi Matlamat 5R berada pada landasan iktihar bukan sahaja dalam menangani isu dan cabaran sosioekonomi semasa kesan pandemik COVID-19, tetapi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi jangka panjang mampu.

Ia dirangka untuk membina asas kukuh dalam membentuk sebuah negara berteknologi dan berpendapatan tinggi dengan pengagihan lebih saksama.

Perlu ada input dan cadangan

Kejayaan usaha dan proses merangkumi RMK13

giat berjalan, pelbagai pihak telah dan sedang berusaha mengemukakan input, cadangan dan saranan masing-masing.

RMK13 diharap memperkenalkan peralihan ekonomi ke arah nilai tinggi iaitu mempercepatkan peralihan daripada model ekonomi bergaji rendah kepada ekonomi berdasarkan inovasi dan teknologi tinggi.

Selain itu, RMK13 diharap memacu ekonomi rendah karbon, khususnya dalam sektor minyak, gas dan tenaga. Penekanan ke arah pembangunan modal insan dan pendidikan masa depan juga ditekankan.

Sementara kita menyaksikan perubahan drastik dalam pelbagai sudut dan sektor, termasuk demografi, pendidikan dan teknologi, turut diharap ialah pembaharuan kesihatan dan perlindungan sosial.

Usaha menstruktur semula sistem kesihatan awam, termasuk kesihatan mental dan penjagaan warga emas serta memperluas perlindungan sosial kepada golongan B40 dan komuniti rentan wajar diberi keutamaan.

RMK13 juga diletakkan harapan tinggi untuk mampu meningkatkan kesejahteraan bandar dan luar bandar, kelestarian alam sekitar dan tindakan iklim, tatakelola baik dan reformasi institusi dan transformasi digital dan jurang teknologi.

RMK13 dinantikan dengan penuh harapan. La perlu datang dalam pembaharuan menyeluruh. Dalam persekitaran amat mencabar perlu ada program, inisiatif dan dasar boleh memenuhi aspirasi rakyat iaitu menambah baik taraf sosioekonomi dalam mengharungi tahan mendatang.



